

Lebuhraya NPE & Besraya Ditutup Sementara untuk Acara IJM Duo Highway Challenge Run 2025

Petaling Jaya, 29 Julai 2025 – New Pantai Expressway (NPE) Sdn. Bhd. dan Besraya (M) Sdn. Bhd. ingin memaklumkan akan penutupan lebuh raya sementara di Lebuhraya Baru Pantai (NPE) dan Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) mulai jam 1:00 pagi hingga jam 11:00 pagi, 3 Ogos 2025 bagi memberi laluan kepada acara tahunan IJM Duo Highway Challenge Run 2025. Acara tahunan ini dianjurkan oleh EC Pixels Asia Sdn. Bhd. dan IJM Corporation Berhad selaku penaja utama.

Berikut adalah lokasi-lokasi yang terlibat dengan penutupan kedua-dua lebuh raya ini:

Lebuhraya	Lokasi penutupan	Waktu penutupan
Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	- Dari KM 1.8 di Bulatan Kewajipan (Subang Jaya) ke KM 11 ke arah Bangsar. - Dari Kuchai Lama Entrepreneurs Park ke Plaza Tol Pantai Dalam di kedua-dua arah.	Mulai jam 1:00 pagi hingga jam 11:00 pagi, 3 Ogos 2025
Lebuhraya Sungai Besi (Besraya)	Laluan Persimpangan Bertingkat Kuchai Lama sehingga ke Jalan Pandan 1 di KM 21.9 menghala ke Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di kedua-dua arah.	

Ts. Wan Salwani Wan Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif bagi kedua-dua lebuh raya memohon agar pengguna menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan sebarang kesulitan sepanjang penutupan sementara ini. Butiran berkenaan laluan alternatif boleh diperoleh dengan melayari platform media sosial NPE dan Besraya.

Beliau turut menambah bahawa penutupan sementara ini telah mendapat kelulusan rasmi daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan dan kelancaran lalu lintas sepanjang acara. Pasukan pengurusan trafik serta kakitangan teknikal turut akan ditempatkan di lokasi-lokasi strategik bagi memastikan pelaksanaan acara berjalan dengan lancar.

SIARAN MEDIA



Semua pelari, penyokong serta penonton dinasihatkan supaya merancang perjalanan dan tiba lebih awal pada hari acara. Maklumat lanjut mengenai larian ini boleh didapati di media sosial acara iaitu; Instagram [@ijm_highway_run](#) dan Facebook @ [IJM Allianz DUO Highway Challenge Run](#). Untuk maklumat lanjut dan bantuan kecemasan di kedua-dua lebuhraya, sila hubungi talian *hotline* berikut:

Lebuhraya NPE : 1-300-88-1010
Lebuhraya Besraya : 1-800-88-0999

Pihak NPE dan Besraya memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul dan menghargai kerjasama semua pihak dalam menjayakan acara ini.

-Tamat-

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Shah Rizal Mohamed Fawzi, Jabatan Pemantauan Konsesi dan Komunikasi Korporat, Besraya (M) Sdn. Bhd., srizalmf@ijm.com atau [017-275 7434](tel:017-2757434).

Anis Nurfarina Mohd Ali, Jabatan Pemantauan Konsesi dan Komunikasi Korporat, Besraya (M) Sdn. Bhd., anisenma@ijm.com atau [013-963-3402](tel:013-9633402).